

PARLIMEN-SETINGGAN

1977

KUALA LUMPUR, 29 MAC (BERNAMA) -- SEJUMLAH LAPAN JUTA RINGGIT TELAH DISEDIAKAN DARI BANK DUNIA UNTUK +MEMULEHKAN+ SETINGGAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN, KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMAD.

BELIAU MEMBERITAHU ENCIK LOH FOOK YEN (BN-KELUANG) DI DEWAN RAKYAT HARI INI KEMENTERIAN PERUMAHAN JUGA TELAH MEMASUKKAN ANGGARAN 100,000 YUNIT RUMAH DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA SEBAGAI SUMBANGANNYA MENYELESAIKAN MASALAH SETINGGAN.

KATANYA SEBUAH JAWATANKUASA PERINGKAT PEGAWAI BAGI MENKKAJI MASALAH-MASALAH SETINGGAN TELAH DITUBUHKAN OLEH MAJLIS TANAH NEGARA YANG BERSIDANG DALAM BULAN JUN TAHUN LALU.

JAWATANKUASA TERSEBUT TELAH PUN MENGADAKAN MESYUARATNYA DAN MEMINTA KERJASAMA EJENSI-EJENSI YANG MENKKAJI MASALAH SETINGGAN.

BAGI WILAYAH PERSEKUTUAN UDA TELAH MENGEMUKAKAN SATU ANALISA DAN MEMBUAT PERAKUAN-PERAKUAN MENGENAI CARA MENYELESAIKAN MASALAH SETINGGAN ITU. -- BERSAMBUNG 1607/SZ

PARLIMEN-SETINGGAN 2 KUALA LUMPUR

BAGI KESELURUHAN NEGERI-NEGERI DI SEMENANJUNG PULA, KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN TELAH DITUGASKAN MEMBUAT LAPORAN.

KEMENTERIAN KEMAJUAN TANAH DAN WILAYAH TELAH MENYATUKAN LAPORAN UDA DAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN DAN HASIL DARIPADANYA MAJLIS TANAH NEGARA MEMBUAT KEPUTUSAN SUPAYA DIADAKAN TIGA PERINGKAT PENYELESAIAN MASALAH INI.

PERINGKAT-PERINGKAT ITU IALAH: PERSEKUTUAN, NEGERI DAN DAERAH. DR. MAHATHIR BERKATA BAGI PERINGKAT PERSEKUTUAN, BELIAU MENJADI Pengerusinya. --BERNAMA 1612/SZ